

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SWM ENVIRONMENT UKIR SENYUMAN LIMA KELUARGA SEMPENA PERAYAAN KRISMAS**

---

**SEREMBAN, 16 DISEMBER 2022** – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) menerusi entiti tanggungjawab sosial korporatnya, SWM Kasih berkongsi kegembiraan dengan lima keluarga yang kurang bernasib baik di sekitar Bandaraya Seremban sempena perayaan Krismas, hari ini.

Program SWM Kasih *Christmas Gift* itu telah disertai oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru, YB Tuan Teo Kok Seong dan Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam bin Mohd Nordin bersama barisan sukarelawan di sekitar bandaraya Seremban bagi menyampaikan sumbangan 'Kotak Krismas' yang mengandungi barangan keperluan dapur dan makanan asas.

Mohd Norlisam berkata pihak syarikat sentiasa prihatin dalam menangani pelbagai isu berkaitan dengan kemanusiaan terutama golongan rentan dan alam sekitar. Sikap mengambil berat antara satu sama lain dengan bertanya khabar, mengambil peduli, serta berkongsi kesenangan adalah selaras dengan nilai keterangkuman (*inclusivity*) dan kebersamaan (*togetherness*) yang juga menjadi asas perpaduan dalam masyarakat negara ini tidak mengira bangsa, budaya atau agama.

"Kami amat bersyukur kerana dapat meneruskan program SWM Kasih *Christmas Gift* untuk meringankan beban masyarakat yang memerlukan di samping dapat melawat sendiri lima keluarga yang dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditentukan. Antara kriteria tersebut termasuklah penerima dari keluarga kurang berkemampuan dan mempunyai tanggungan keluarga yang besar, mempunyai ahli keluarga yang berkelainan upaya (OKU), warga emas serta menghadapi penyakit kritikal dan juga pemegang kad JKM", katanya lagi.

Pihak SWM Environment selaku syarikat konsesi pengurusan pepejal dan pembersihan awam di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor akan sentiasa peka terhadap keperluan masyarakat terutama golongan rentan di samping mensejahterakan kehidupan mereka menerusi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lestari di Negeri Sembilan.

**-TAMAT-**

## **MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: [www.kitarecycle.com](http://www.kitarecycle.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib**

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : [nurulliza.najib@swmsb.com](mailto:nurulliza.najib@swmsb.com)